

**PENYALAHGUNAAN CETAK ROMPAK HASIL KARYA
FILEM MAEL TOTEY THE MOVIE**

NUR YATIMY BINTI ZAMRY

UNIVERSITI
MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KREATIF DAN
WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

2021



FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

PROJEK PENYELIDIKAN

**“PENYALAHGUNAAN CETAK ROMPAK HASIL KARYA
FILEM MAEL TOTEY THE MOVIE”**

Oleh:

NUR YATIMY BINTI ZAMRY (C17A0403)

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada tugas
bagi projek penyelidikan untuk Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda
Teknologi Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KAMPUS BACHOK

2021

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti lain atau Institusi.

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia sebagai Salinan Kertas atau dalam talian akses terbuka (teks penuh)

SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972

TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan

Saya mengaku bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut :

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan berhak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat Salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan oleh :

Tandatangan

Tandatangan Penyelia

Nama :

Tarikh :

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim..

Alhamdulillah,bersyukur kepada Allah S.W.T dengan limpahan rahmat serta nikmat masa,nyawa tenaga yang dianugerahkan kepada saya dapat juga saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Selawat dan salam disedekahkan kepada nabi kita Muhammad S.A.W.

Saya ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada penyelia projek penyelidikan iaitu Encik Fairuladlan Bin Hamadun dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya membuka ruang untuk saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Beliau juga banyak meluangkan masa bersama pengkaji untuk menyiapkan kajian ini. Beliau merupakan antara insan yang sentiasa bersabar dan memberi segala tunjuk ajar kepada semua anak-anak murid dibawah seliaanya. Terima kasih untuk kesekian kalinya.

Terima kasih dirakamkan juga kepada dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Dr Hanisa Binti Hassan kerana memberikan kebenaran untuk pengkaji menjalankan kajian ini dan juga membenarkan pengkaji menggunakan kemudahan yang terdapat di Universiti Malaysia Kelantan bagi mencari maklumat-maklumat berkaitan kajian ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pensyarah yang telah banyak memberikan ilmu dan panduan sepanjang pengajian saya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibubapa dan keluarga saya yang memberi saya sepenuhnya sokongan yang amat positif kepada fizikal dan mental pengkaji untuk menyelesaikan kajian ini.

Ucapan penghargaan ini juga saya berikan kepada rakan-rakan seperjuangan, dan rakan-rakan yang lain terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam pembikinan tugas teks ini. Pengkaji mendoakan kalian agar dimudahkan rezeki, sihat tubuh badan, dijauhkan daripada sebarang penyakit termasuklah penyakit berjangkit, bahagia selalu, dipermudahkan segala urusan serta berjaya di dunia dan di akhirat. Amin.

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji penyalahgunaan cetak rompak karha filem Mael Totey The Movie. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti pinca, kesan dan langkah untuk mengatasi masalah cetak rompak karya filem Mael Totey. Pengkaji juga mengkaji cara untuk membuat thesis dengan sistematik dan teratur. Melalui kajian ini, pengkaji membuat satu video iklan pendek yang memaparkan punca, kesan dan langkah mengatasi jenayah cetak rompak. Pengkaji berharap penonton dapat memahami mesej yang hendak disampaikan oleh pengkaji. Pengkaji juga berharap agar semua pihak berkerjasama untuk membanteras aktiviti cetak rompak.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

Cetak rompak merupakan sesuatu aktiviti atau pekerjaan merakam, menyimpan (save) dan menyebarkannya secara haram dan tanpa mintak izin atau kebenaran daripada pihak yang sepatutnya. Hal ini digunakan oleh sesetengah individu untuk mengaut keuntungan lumayan tanpa perlu bekerja keras untuk mendapatkan wang. Jenayah cetak rompak (Akta Hakcipta 1987) akan didenda maksima RM5,000 hingga RM 20,000 atau **DIPENJARA** atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Isu cetak rompak di Malaysia bukanlah masalah baru di negara ini, masalah kegiatan haram ini telah berlaku sejak sekian lamanya. Jika ditinjau dari sudut pengertiannya, cetak rompak ialah satu pencabulan Hak Cipta yang bermaksud penggunaan bahan yang dilindungi oleh undang-undang Hak Cipta tanpa izin, iaitu mencabuli salah satu hak eksklusif pemilik hakcipta asli, seperti hak untuk mengeluarkan semula atau menjalankan karya yang dihakcipta, atau menghasilkan karya derivatif yang berasaskan karya yang di hak cipta itu. Hak cipta adalah sejenis harta intelektual dimana ia boleh wujud dalam berbagai-bagai karya kreatif, hasil kerja intelektual atau berseni, ia termasuklah gubahan muzik, filem, drama, rakaman audio, perisian dan sebagainya. Secara amnya cetak rompak ataupun barang peniruan adalah merupakan barang yang dihasilkan semula dan serupa dengan barang asli (Gael & Christopher, 1994).

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) mengambil inisiatif penting bersama-sama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Persatuan Penerbit Filem Malaysia (PFM) dengan menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Membanteras Cetak Rompak Digital sebagai sinergi bersama menangani isu filem-filem di pawagam yang di muat naik ke laman sesawang oleh individu tidak bertanggungjawab dan beretika.

Mael Totey The Movie ialah sebuah filem komedi di Malaysia. Filem ini ditayangkan pada 22 Oktober 2020 di saluran Astro First. Tempoh tayangan filem ini selama 103 minit. Filem ini diarahkan oleh Syahmi Sazli. Penerbit pula Syahmi Sazli dan Annisa Faizul merupakan isteri kepada Syahmi Sazli. Sinematografi dalam filem ini ialah Mohd Ridhwan dan Zainal Abidin. Filem ini menelan perbelanjaan RM 400,000 dan ianya merupakan perbelanjaan sendiri oleh Syahmi Sazli. Wang ini merupakan hasil titik peluh Syazmi Sazli sejak aktif di YouTube pada tahun 2016. Filem ini berjaya pecah panggung sebanyak RM 7 juta. Hal ini kerana mendapat sambutan yang baik daripada penonton. Filem ini merupakan terbitan dan arahan sulung daripada selebriti internet yang terkenal iaitu Syahmi Sazli.

Filem ini diadaptasikan daripada filem pendek YouTube. Filem ini mengisahkan seorang pemuda lurus bendul yang berusaha untuk mempelajari bahasa Inggeris demi memenuhi syarat untuk memikat gadis idamannya. Filem ini menampilkan pelakon yang berbakat besar iaitu Syahmi Sazli sebagai Mael Totey, Emaleen Minhad sebagai Ayu, Aween Ismail sebagai watak Yaya, Asif Suhaimi sebagai Asif, Yoe Parey memegang watak Yoe, Daler Yusof sebagai Raheem, Aznah

Hamid sebagai ibu Teacher, Kamarool Haji Yusoff sebagai Tok Kadi dan imam dan akhir sekali Hushairy Hussein sebagai bapa Asif dan Yoe.

Filem Mael Totey The Movie ini perlu melalui pelbagai proses untuk menghasilkan sebuah karya filem yang berkualiti. Syahmi Sazli dianggap masih baru dan banyak yang perlu dipelajarinya untuk menghasilkan sebuah filem termasuklah proses penyuntingan. Hal ini kerana proses penyuntingan merupakan proses yang rumit dan memerlukan kepakaran untuk membuat penyuntingan. Syahmi Sazli telah pergi ke Kuala Lumpur dengan bertujuan untuk mendapatkan permohonan pembikinan filem daripada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) dan Persatuan Pekerja Profesional Filem Malaysia (PROFIMA). Beliau juga berdaftar dengan Persatuan Sutradara Malaysia. (FDAM).

Mael Totey The Movie dikeluarkan pada 22 Oktober 2020 di Astro First. Filem ini diiklankan sebagai sebuah filem wajib tonton semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Sebelum tayangan perdana rasmi, treler acah dan rasmi filem ini dikeluarkan di saluran YouTube rasmi Astro Shaw pada 15 Oktober 2020. Sejak dikeluarkan, ia telah ditonton sebanyak 192,000 kali dan berada di kedudukan ke-14 video paling sohor kini. Ia turut dikeluarkan di saluran YouTube Astro Gempak dan meraih sebanyak 16,000 jumlah tontonan, manakala video acahnya yang berdurasi 30 saat telah dimuat naik di Facebook Syahmi Sazli Production dan telah meraih jumlah tontonan sebanyak 1.2 juta.

Pada hari pertama tayangan perdana rasmi, filem ini berjaya meraih kutipan pecah panggung sebanyak RM700,000, melepasi kos pembikinan filem sebanyak RM400,000. Dalam tempoh empat hari selepas tayangan perdana rasmi, filem ini berjaya meraih kutipan RM2.56 juta. Menjelang hari kelapan tayangan, Mael Totey

The Movie meraih kutipan tertinggi sebanyak RM4 juta setakat pada 29 Oktober 2020. Kutipan terus meningkat kepada RM5 juta menjelang hari ke-12. Mael Totey The Movie berjaya meraih kutipan sebanyak RM6.4 juta sekaligus memecahkan rekod yang dipegang oleh Polis EVO (2015) dan Hantu Kak Limah (2018).

Selepas filem Mael Totey The Movie ditayangkan, filem ini telah menjadi mangsa cetak rompak. Hal ini apabila ia disebar di platform media sosial secara tidak sah. Syahmi meluahkan rasa kecewa apabila terdapat segelintir individu yang menonton filem itu secara haram. Tindakan pengedaran filem secara haram dianggap melanggar Akta Hak Cipta 1987 dan syarat lesen yang ditetapkan. Siasatan awal yang dijalankan mendapati beberapa platform digunakan untuk menjalankan kegiatan pengedaran filem tanpa kebenaran pemilik menerusi Akta Hak Cipta 1987. Sekiranya penjenayah cetak rompak itu disabitkan kesalahan, penjenayah itu boleh didenda RM 50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali gus jika disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 25 (1) Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244). Pada 30 Oktober 2020, Finas menerusi CEO, Ahmad Idham memberi amaran keras terhadap pihak yang terlibat dalam penyebaran filem itu melalui media sosial, laman e-dagang dan laman web tanpa lesen pengedaran yang sah, agar menghentikan kegiatan haram mereka serta-merta sebelum tindakan undang-undang diambil terhadap pihak yang terlibat.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini menunjukkan permasalahan analisis yang dijalankan oleh sarjana lain. Sebagai contohnya, analisis yang dijalankan terhadap kajian-kajian lepas mendapati bahawa masih terdapat jurang kajian yang memberi penekanan terhadap isu cetak rompak. Kajian yang tersedia ada pula tidak memberi tumpuan terhadap filem Mael Totey The Movie (2020). Oleh itu, kajian ini hadir dengan memberi tumpuan terhadap isu cetak rompak dalam filem Mael Totey The Movie (2020).

OBJEKTIF KAJIAN

Untuk memastikan kajian kes ini berjalan dengan lancar, terdapat 3 objektif yang diperoleh oleh pengkaji supaya mencapai sasaran yang diinginkan dengan terperinci dan tepat. Objektif kajian pertama yang perlu dikaji melalui kajian ini ialah mengkaji faktor berlakunya cetak rompak karya filem Mael Totey. Objektif yang kedua yang perlu dikaji dengan teliti ialah menganalisis kesan penyalahgunaan cetak rompak karya filem Mael Totey. Seterusnya, objektif kajian yang ketiga yang perlu dikaji dengan terperinci ialah mengkaji membuat video iklan pendek cetak rompak karya filem.

Objektif kajian yang dijalankan oleh pengkaji berharap ianya dapat dilakukan dengan teliti dan terperinci. Hal ini kerana untuk mencapai objektif kajian yang dijalankan. Pengkaji akan menjalankan kajian ketiga-tiga objektif kajian untuk menjelaskan secara terperinci punca berlakunya cetak rompak, kesan terhadap cetak rompak yang dilakukan oleh individu tidak bertanggungjawab, dan langkah untuk mengatasi masalah jenayah cetak rompak agar ia tidak berleluasa.

PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan kajian yang hendak dikaji ialah:

- a) Mengapakah boleh berlakunya cetak rompak hasil karya filem Mael Totey The Movie?
- b) Apakah kesan berlakunya jenayah cetak rompak karya filem Mael Totey The Movie?
- c) Bagaimanakah untuk menghasilkan karya video iklan pendek bagi menangi masalah cetak rompak?

SKOP KAJIAN

Kajian ini memberi tumpuan terhadap filem Mael Totey The Movie (2020) arahan Syahmi Sazli. Filem ini dijadikan sebagai subjek utama dalam kajian kerana telah menjadi bahan cetak rompak di media sosial khususnya di laman YouTube dan Facebook. Filem ini juga menjadi perhatian pengkaji memandangkan kerjayanya dalam mencapai kutipan pecah panggung sebanyak RM7 juta sekaligus memecahkan rekod yang dipegang oleh Polis EVO (2015) dan Hantu Kak Limah (2018).

Kajian ini juga memberi tumpuan terhadap isu cetak rompak dalam filem Mael Totey The Movie (2020) arahan Syahmi Sazli kerana isu tersebut amat penting dan perlu diberi perhatian oleh pengkaji serta juga pengiat seni tanah air. Isu cetak rompak juga mampu merosakkan nama industri filem. Industri filem akan terkubur dan mufliis jika 100% masyarakat kini menonton filem di medium cetak rompak. Hal ini kerana industri filem bergantung kepada penonton yang menyokongnya. Jika penonton menonton filem di platform yang betul, maka industri filem di Malaysia akan lebih maju.

Setelah menerbitkan dan mengeluarkan filem di pawagam, industri filem di Malaysia mengira jumlah tontonan filem itu. Jika tontonan itu dapat sambutan oleh orang ramai, maka ia berjaya, dapat kaut keuntungan dan memajukan industri filem. Jikalau tidak mendapat sokongan oleh masyarakat tempatan, hasil karya filem itu akan terkubur dan mengalami kerugian yang amat besar. Masyarakat di Malaysia haruslah menyokong karya filem tempatan. Jika tidak siapa lagi yang hendak menyokong dan memajukan industri filem di Malaysia.

Skop kajian saya ialah memfokuskan kepada penyalahgunaan cetak rompak hasil karya filem Mael Motey The Movie. Mengkaji cara mengatasi jenayah cetak rompak karya filem Mael Totey The Movie. Hal ini kerana penjenayah itu mencari jalan mudah untuk mendapatkan wang yang begitu banyak. Penjenayah itu hanya merakam, menyimpan (save) dan sebarkan kepada penonton. Kaedah ini disebarikan melalui platform media massa, cakera padat (CD dan DVD). Dengan hasil penjualan karya cetak rompak itu, penjenayah dapat menambah pendapatan mereka dengan pantas dan sudah semestinya ia secara haram. Hal ini juga memudahkan penonton mendapati filem yang hendak ditonton. Hasil cetak rompak filem, memaparkan filem dari zaman dahulu sehinggalah sekarang. Pada zaman yang serba canggih ini, hanya di hujung jari sahaja, kita dapat maklumat, aplikasi, filem, aktiviti jual beli dan banyak lagi. Zaman sudah berubah, pada zaman dahulu jika hendak menonton filem, harus menonton filem di wayang gambar, wayang pacak dan panggung wayang. Mereka berkumpul ramai-ramai untuk menonton filem. Pada zaman dahulu juga kebanyakan menonton filem di waktu malam manakala pada zaman kini bila-bila masa boleh menonton filem pada hasil cetak rompak. Pada zaman dahulu tiada teknologi

canggih, aktiviti cetak rompak karya filem dan internet. Filem zaman dahulu hanyalah warna hitam dan putih sahaja. Manakala, pada zaman kini, warna filem sudah berubah, sudah mempunyai warna-warni.

Faktor pengkaji telah mengkaji penyalahgunaan cetak rompak hasil filem Mael Totey The Movie kerana filem ini merupakan filem ini filem yang menarik, filem yang popular dapat menyampaikan mesej dengan mudah difahami oleh penonton, menggunakan dailek Kelantan, filem yang lawak dan menampilkan pelakon yang berbakat besar dalam industri filem. Filem ini merupakan filem yang popular dan Box Office pada tahun 2020. Filem ini berjaya pecah panggung sebanyak RM 7 juta. Sejak filem ini dikeluarkan, ia telah ditonton sebanyak 192,000 kali dan berada di kedudukan ke-14 video paling sohor kini. Ia turut dikeluarkan di saluran YouTube Astro Gempak dan meraih sebanyak 16,000 jumlah tontonan, manakala video acahnya yang berdurasi 30 saat telah dimuat naik di Facebook Syahmi Sazli Production dan telah meraih jumlah tontonan sebanyak 1.2 juta.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ialah terbahagi kepada 5 iaitu untuk pengkaji, dijadikan rujukan, pengiat seni, pihak berkuasa, dan masyarakat. Kepentingan kepada pengkaji

ialah dapat membantu pengkaji untuk menjalankan kajian tentang isu cetak rompak karya filem. Pengkaji juga dapat ilmu pengetahuan tentang kebaikan dan keburukan cetak rompak karya filem. Selain itu, kepentingan kajian kedua pula ialah dijadikan rujukan tentang isu cetak rompak karya filem. Rujukan ini lebih terperinci dan lengkap. Seterusnya kepentingan kepada pengiat seni filem Malaysia dapat lebih peka tentang pencetakan hasil karya filem. Di samping itu juga, kepentingan kajian ini juga kepada pihak berkuasa. Hal ini dapat pihak berkuasa khususnya Pdrm, Sprm, Finas, SKMM, MCMC untuk bertindak lebih tegas dan memantau aktiviti cetak rompak hasil karya filem. Tambahan pula, kepentingan terhadap masyarakat. Masyarakat dapat memberikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat tentang padahnya aktiviti cetak rompak karya filem. Hal ini boleh dijadikan pengajaran kepada masyarakat.

STRUKTUR ORGANISASI KAJIAN

Secara kesimpulan daripada bab ini ialah pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Pengkaji dapat mengkaji tentang tajuk “penyalahgunaan cetak rompak hasil karya filem Mael Totey The Movie”. Hal ini membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat dengan lebih teliti dan tepat.

BAB 2

KAJIAN LEPAS

2.0 PENGENALAN

Melalui bab 2 ini, menerangkan kajian lepas yang dijalankan oleh sarjana dalam aspek cetak rompak. Bab 2 ini penting kerana mampu memberi penjelasan lebih isu cetak rompak bukan sahaja media filem malahan ada juga media lain. Bab ini mengandungi 3 bahagian iaitu definisi cetak rompak, kajian lepas tentang cetak rompak, dan kesimpulan.

Pengkaji akan memfokuskan kepada perbincangan tentang penyelidikan yang lepas dan terbaharu. Kepentingan bab ini adalah dapat memberikan pengetahuan lebih meluas dan memberikan idea kepada penyelidikan yang dilakukan. Kajian literature merupakan kajian kesusasteraan direka untuk mengenal pasti dan mengkaji jurnal yang sedia ada mengenai tajuk-tajuk untuk mengkaji menjalankan kajian tentang tajuk yang hendak dikaji. Hal ini boleh dijadikan sumber rujukan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian dengan lebih mendalam dan teliti.

Cetak rompak hasil karya filem Mael Totey The Movie merupakan salah satu filem yang menjadi mangsa cetak rompak karya filem. Jenayah siber yang berleluasa pada zaman kini. Cetak rompak merupakan sesuatu aktiviti atau pekerjaan merakam, menyimpan (*save*) dan menyebarkannya secara haram dan tanpa mintak izin atau kebenaran daripada pihak yang sepatutnya. Hal ini dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab demi mengaut keuntungan yang lumayan.

2.1 Definisi Cetak Rompak

Cetak rompak merupakan satu pelanggaran kepada undang-undang hak cipta. Hak cipta adalah suatu harta yang intelek. Terdapat juga beberapa cabang bagi

undang-undang paten, undang-undang dagangan, undang-undang reka bentuk perindustrian undang-undang petunjuk geografi, dan susun atur bersepadu (Khadijah dan Shamsul, 2005). Penyalahgunaan cetak hasil rompak karya filem merupakan kegiatan yang negatif yang akan memudaratkan kepada industri filem, masyarakat, Negara dan ekonomi Negara. Hal ini telah melanggar Akta Hakcipta 1987 dan mencabuli hak intelek.

Terdapat pelbagai cara dimana hasil karya dirompak atau disalin tanpa kebenaran pemilik hak cipta. Penyalinan tersebut dibuat dengan cara menerbitkan semula sebahagian atau kesemua hasil karya. Selain itu juga, membuat salinan kepada pelbagai bentuk sama ada cara mengambil gambar, membuat salinan secara elektronik atau komputer, fotostat, rakaman video, rakaman suara, menaip semula atau diubah kepada PDF. Di samping itu juga, menyalin kandungan bahan dan dijual semula dengan tajuk yang berbeza. Tambahan pula, mengeluarkan bahan atau perkakas yang menggunakan idea yang sama, dimana idea tersebut telah dihakcipta.

2.2 Latar Belakang Dan Sejarah Cetak Rompak

Cetak rompak hasil karya filem merupakan aktiviti jenayah yang aktif sejak dulu lagi semasa bermulanya filem diterbitkan. Hal ini demikian kerana cetak rompak hasil karya filem dapat mengaut keuntungan yang lumayan tanpa memerlukan kerja yang

keras berbanding dengan pengiat seni filem untuk menghasilkan sebuah filem yang berkualiti. Penjenayah cetak rompak hanya merakam, menyimpan, mencetak dan menyebarkan dalam pelbagai medium seperti kaset, cd, dvd, media massa dan media sosial. Manakala pengiat seni filem haruslah melakukan pelbagai proses untuk menghasilkan karya filem yang terbaik. Sebagai contohnya ialah pengiat seni filem harus membuat pembincangan, skrip, papan cerita, prop, make-up, pakaian yang sesuai, kamera yang sesuai, set yang sesuai, mencari pelakon yang berbakat dan sesuai dengan karektor, menjalankan penggambaran, sesi suntingan, sesi perbincangan dengan pengarah, sesi promosi filem dan sesi tayangan filem di panggung wayang, NETFLIK, Astro, siasran Televisyen dan saluran yang betul dan sah ditayangkan kepada penonton. Pengiat seni filem harus membelanjakan kos yang tinggi malah hampir berbilion untuk menghasilkan karya filem yang berkualiti tinggi. Manakala penjenayah cetak rompak sewenangnyanya merakam, menyimpan, mencetak dan menyebarkannya tanpa kebenaran pihak yang tertentu. Hal ini dapat mengaut keuntungan yang lumayan kepada jenayah cetak rompak hasil karya filem tanpa mengeluarkan modal yang tinggi untuk menyebarkannya.

Mael Totey The Movie dikeluarkan pada 22 Oktober 2020 di Astro First. Filem ini diiklankan sebagai sebuah filem wajib tonton semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Sebelum tayangan perdana rasmi, treler acah dan rasmi filem ini dikeluarkan di saluran YouTube rasmi Astro Shaw pada 15 Oktober 2020. Sejak dikeluarkan, ia telah ditonton sebanyak 192,000 kali dan berada di kedudukan ke-14 video paling sohor kini. Ia turut dikeluarkan di saluran YouTube Astro Gempak dan meraih sebanyak 16,000 jumlah tontonan, manakala video acahnya yang berdurasi 30 saat telah dimuat naik di Facebook Syahmi Sazli Production dan telah meraih jumlah tontonan sebanyak 1.2 juta.

Sejak dikeluarkan, ia telah ditonton sebanyak 192,000 kali dan berada di kedudukan ke-14 video paling sohor kini. Ia turut dikeluarkan di saluran YouTube Astro Gempak dan meraih sebanyak 16,000 jumlah tontonan, manakala video acahnya yang berdurasi 30 saat telah dimuat naik di Facebook Syahmi Sazli Production dan telah meraih jumlah tontonan sebanyak 1.2 juta

2.3 Kajian Lepas

2.3.1 Kajian yang digunakan

Aktiviti cetak rompak hasil karya filem bermaksud filem yang tidak mengikut piawaian dan hologram yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan. Hologram atau isitilah undang-undang disebut sebagai label cakera optik termaktub di bawah Akta Perihal Dagangan 2011. Hal ini di disignifikasikan kepada penggunaan label cakera optik ini adalah sebagai langkah kerajaan membanteras aktiviti cetak rompak yang bermatlamat melindungi hak harta intelek. Hal ini demikian kerana, filem dihasilkan secara cetak rompak merupakan filem yang tidak tulen dan yang dibuat salinan atau dicetak tanpa kebenaran pemegang hak cipta karya tersebut. Penjualan dan pengedaran bagi filem cetak rompak ini sering berlaku di pasar malam, premis perniagaan tetap dan penjaja yang menggunakan beg atau bakul yang bergerak dari meja ke meja dalam premis makanan. (KPDNKK, 2012).

Selain itu, kajian lepas iaitu kenyataan media oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (4 Januari 2021). Kenyataan media ini yang bertajuk tindakan membanteras aktiviti cetak rompak secara atas talian. Penguatkuasaan cetak rompak kini telah beralih dari bentuk fizikal iaitu pengedaran cakera optik CD, VCD, DVD dan sebagainya kepada bentuk maya melalui penggunaan internet sebagai medium pengedaran cetak rompak. Selaras dengan perubahan ini, Bahagian Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mula merubah kaedah penguatkuasaan selari dengan perubahan teknologi agar tindakan membanteras cetak rompak dalam talian ini dapat diteruskan demi melindungi hak pemilik hak cipta dan juga memastikan pengguna tidak tertipu dengan membeli produk-produk cetak rompak di internet. Menurut kajian yang dibuat oleh pihak Asia Video Industry Association (AVIA) sejak 12 bulan yang lalu mendapati terdapat penurunan sebanyak 64% pengguna yang mengakses laman cetak rompak, penurunan penggunaan illicit streaming device (ISD) sebanyak 61%. Bersama dengan itu, sebanyak 55% peratus pengguna menyedari tindakan KPDNHEP dalam menghalang akses ke atas laman cetak rompak yang hasilnya, menyebabkan 49% daripada pengguna tidak lagi melayari laman cetak rompak dan 40% daripadanya jarang melayari laman cetak rompak. Selain itu melalui kajian ini juga telah menunjukkan peningkatan sebanyak 20% langganan ke atas perkhidmatan streaming berbayar yang sah serta peningkatan 15% waktu menonton ke atas perkhidmatan streaming berbayar ini.

Seterusnya, kajian lepas iaitu gelagat pembelian barang cetak rompak: kesan faktor harga dan pendidikan oleh Lim Hock Eam dan Hussin Abdullah (Januari 2004). Data yang digunakan adalah data yang telah dikutip oleh Hussin et al. (2002) di dalam kajian mereka. Reka bentuk persampelan mereka adalah berbentuk convenience, iaitu data ini dikutip secara convenience ke atas 120 pengguna yang baru beli VCD atau CD cetak rompak dari kedai di 86 Jurnal Ekonomi Malaysia 38 kompleks beli-belah dan gerai di pasar malam, Alor Setar, Kedah. Kaedah temu ramah digunakan untuk mengutip data. Data dikutip ini adalah tertumpu ke atas pembeli VCD dan CD cetak rompak di Alor Setar, ibu kota negeri Kedah, Malaysia. Di Kedah (dan juga negeri-negeri lain di Malaysia), VCD dan CD cetak rompak boleh diperolehi dengan senangnya sama ada di pasar malam atau kompleks beli-belah. VCD dan CD cetak rompak dipamerkan secara terbuka oleh penjual di tempat berkenaan. Pembeli adalah mengetahui bahawa VCD dan CD dijual tersebut adalah cetak rompak. Tiada kekeliruan atau penipuan bahawa VCD dan CD cetak rompak ini adalah asli. Bagi metodologi pula model regresi berbilang digunakan oleh kajian lalu (misalnya, Ang et al. 2001; Wee et al. 1995) untuk mengenal pasti dan mengukur kesan-kesan penentu yang mempengaruhi gelagat pembelian barang cetak rompak. Bagi kajian ini, pembolehubah bersandar, iaitu kuantiti pembelian VCD dan CD cetak rompak adalah diukur dalam nilai sebenar dibeli sebulan, dengan had atas diletakkan pada 5 keping atau lebih. Ini bererti terdapatnya sensor had atas (right-censored), dan penganggaran model regresi berbilang adalah tidak

sesuai dan dijangka bias akan wujud (Green 1997). Untuk mengambil kira sifat sensor tersebut, model Tobit digunakan. Model Tobit dianggarkan melalui kaedah ML(maximum likelihood).

Tambahan pula, kajian lepas kewujudan filem cetak rompak & filem tidak bertapis : mengapa masih berlaku? Noor Aziah Abdullah, Wan Amizah Wan Mahmud dan Mohd Nor Shahizan Ali Universiti Kebangsaan Malaysia. Tinjauan turut dibuat ke atas kajian yang dijalankan oleh “RAND of the Safety and Justice Program” (2009) di bawah penyeliaan “RAND Infrastructure, Safety, and Environment” dan “RAND Center for Global Risk and Security,” mendapati Malaysia memainkan peranan yang aktif terlibat dalam aktiviti cetak rompak sebagai salah satu negara yang mengeluarkan filem cetak rompak dalam bentuk DVD dan di edar serta dijual di London. Kumpulan Kongsi Gelap Ang Bin Hoey merupakan pihak yang berpengaruh dan mempunyai kawalan ke atas semua pasaran haram yang melibatkan serangan senjata, rompakan, peras ugut dan pelbagai aktiviti jenayah yang lain . Kajian ini turut menyatakan bahawa Malaysia menghadapi kesukaran untuk melakukan operasi penguatkuasaan di kilang-kilang yang mengeluarkan filem cetak rompak disebabkan pihak pengilang enggan membenarkan anggota penguat kuasa untuk melakukan pemeriksaan (Treverton 2009). Dapatan kajian diperoleh analisis dokumen, pemerhatian dan melalui temu bual berstruktur dan tidak berstruktur ke atas informan dari pelbagai kategori yang berkaitan dengan aktiviti ini. Tujuan analisis dokumen dalam kajian ini adalah untuk pengkaji menilai dasar penguatkuasaan iaitu tatacara penguatkuasaan yang dibentuk oleh

kerajaan melalui agensi yang diwujudkan untuk menguatkuasakan penguatkuasaan dalam membanteras fenomena filem cetak rompak dan filem tidak bertapis. Manakala pemerhatian dilakukan oleh pengkaji di pasar malam dan permis perniagaan tetap yang menjual filem cetak rompak dan filem tidak bertapis. Menurut Othman Lebar (2014) penggabungan ketiga jenis temu bual iaitu tidak berstruktur, semi struktur dan berstruktur sering digunakan oleh kebanyakan kajian bagi mengumpulkan data yang lebih banyak. Temu bual perlu dilakukan apabila sesuatu fenomena yang dikaji itu memerlukan penyelesaian dari minda seseorang melalui perasaan atau pandangan seseorang itu (Othman Lebar 2014). Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan dengan menemu bual secara mendalam ke atas informan seramai 17 orang yang terdiri daripada penggubal dasar Kementerian, Pegawai Penguat kuasa dari pelbagai agensi penguatkuasaan, pengamal Undangundang, penggiat seni, ahli persatuan pengguna dan pembeli. Kesemua informan adalah dari sekitar Lembah Kelang dan temu bual ini dijalankan bermula dari 16hb April 2015 dan hingga 15 Ogos 2015. Sebanyak 20 soalan yang mengandungi tema-tema yang telah dikenal pasti telah dikemukakan kepada informan berkenaan dengan fenomena filem cetak rompak dan juga filem tidak bertapis di negara ini. Kajian ini juga menggunakan ATLAS.ti dalam menganalisis data.

Di samping itu juga, kajian lepas “Banteras filem cetak rompak”: saranan pementapan penguatkuasaan oleh Noor Aziah Abdullah, Wan Amizah Wan Mahmud dan Mohd Nor Shahizan Ali. Kajian ini memfokuskan kepada filem cetak rompak. Jika pada masa dahulu, filem dalam bentuk

fizikal seperti VCD/DVD menjadi tumpuan penjenayah cetak rompak ini, kini tumpuan mereka beralih kepada filem cetak rompak yang dimuat turun dari laman-laman web di internet. Ini jelas menunjukkan bahawa perkembangan teknologi merupakan faktor yang dominan dalam menyumbang kepada kewujudan aktiviti filem cetak rompak di negara ini. Bagi metodologi pula Kaedah penyelidikan yang dijalankan dalam kajian ini adalah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual mendalam. Sebahagian besar dapatan artikel ini merupakan hasil temu bual mendalam bersama para informan seramai 17 orang. Informan terdiri daripada penggubal dasar yang dipilih dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Pegawai Penguat kuasa dari 5 agensi penguatkuasaan, Pengamal Undang-Undang, Penggiat Seni, Wakil Persatuan Pengguna dan pembeli filem cetak rompak. Pemilihan informan dari kategori yang dinyatakan di atas adalah bagi mendapatkan pandangan berdasarkan pengalaman informan yang terlibat secara langsung dalam industri filem ini terutama dilema yang dihadapi oleh penggiat seni. Bagi mengenal pasti dengan lebih mendalam apakah faktor yang mendorong pembelian dalam kalangan pengguna, maka temu bual telah dijalankan terhadap informan pembeli yang terdiri daripada kalangan remaja dan mereka yang telah bekerja.

Cetak rompak merupakan satu pelanggaran kepada undang-undang hak cipta. Hak cipta adalah suatu harta yang intelek. Terdapat juga beberapa cabang bagi undang-undang paten, undang-undang dagangan, undang-undang reka bentuk perindustrian undang-undang petunjuk

geografi, dan susun atur bersepadu (Khadijah dan Shamsul, 2005) Filem dikatakan mampu memberi kuasa estetik yang kuat, pandangan dalam pelbagai budaya dan kaedah baru berfikir secara sepintas lalu. Pemikiran ini terhasil daripada kesan tontonan ke atas adengan yang digambarkan dalam filem. (Thompson & Bordwell, 2003).Teknologi digital digunakan dalam penghasilan cekera optik cetak rompak dan internet tanpa had pelmalsuan, pengedaran, keuntungan,dengan membelakangkan kualiti, kepantasan dan kecapaian (Deluze, 1995).

Kepentingan pemegang hakcipta sesuatu karya. Kepentingan ini meliputi hak untuk membuat penyalinan, penghasilan semula, pengedaran, penyiaran dan persembahan bagi kandungan yang ditentukan dalam terma hak cipta tersebut. Hakikatnya, pemegang hak cipta akan mengalami kerugian yang besar sekiranya hasil karya mereka dicetak rompak. (Yar, 2005).

Cekera padat digital (DVD) cetak rompak, kumpulan jenayah akan bergerak untuk mengawal seluruh rangkaian pembekal, bermula dari pengeluaran kepada pengedaran sehingga membawa kepada penjualan di pasaran dengan kukuh kekuasaan terhadap pasar operasi pasar gelap serta membina empayar, kekayaan dan pengaruh pada setiap kawasan atau daerah ditakluki. (Treverton, 2009).

Malaysia dikatakan mempunyai kemudahan yang dikuasai dan dimiliki oleh sindiket jenayah terancang terutama kumpulan penjenayah yang mempunyai kekayaan dan berkuasa dari Taiwan yang bukan sahaja

di Malaysia malah seluruh Asia. Situasi ini terlihat jelas melalui lambakan filem cetak rompak yang dijual di pasaran terbuka dengan tanda pengenalan pada warna lapik meja yang digunakan untuk menjual filem cetak rompak yang mana mewakili kumpulan penjenayah tertentu yang menguasai satu-satu kawasan. (Malcomm 2003 dalam McIlwain 2005). Tidak terkecuali fakta ini turut ditemui dalam kajian Wang (2006) berhubung isu cetak rompak turut menekankan bahawa negara Asia seperti China, Taiwan, India, Thailand dan Malaysia merupakan negara yang sedang membangun dari segi ekonomi dan pasaran. Pada dasarnya, keunikan pembangunan ekonomi dan perkembangan teknologi yang melanda negara Asia ini telah mengakibatkan bukan sahaja kebanjiran pengeluaran barangan berorientasikan eksport malah lambakan barangan cetak rompak (Wang, 2006).

Tinjauan turut dibuat ke atas kajian yang dijalankan oleh "RAND of the Safety and Justice Program" (2009) di bawah penyeliaan "RAND Infrastructure, Safety, and Environment" dan "RAND Center for Global Risk and Security," mendapati Malaysia memainkan peranan yang aktif terlibat dalam aktiviti cetak rompak sebagai salah satu negara yang mengeluarkan filem cetak rompak dalam bentuk DVD dan di edar serta dijual di London. Kumpulan Kongsi Gelap Ang Bin Hoey merupakan pihak yang berpengaruh dan mempunyai kawalan ke atas semua pasaran haram yang melibatkan serangan senjata, rompakan, peras ugut dan pelbagai aktiviti jenayah yang lain. Kajian ini turut menyatakan bahawa Malaysia menghadapi kesukaran untuk melakukan operasi penguatkuasaan di

kilang-kilang yang mengeluarkan filem cetak rompak disebabkan pihak pengilang enggan membenarkan anggota penguat kuasa untuk melakukan pemeriksaan (Treverton 2009).

Pengertian harta di dalam undang-undang hak cipta haruslah dibezakan dengan harta benda bentuk fizikal (Stim, 2000; Garnett, James & Davies, 1999; Bainbridge, 1992). Hak milik sesuatu hak cipta adalah berbeza dengan hak milik sesuatu barangan hasil daripada hak cipta tersebut. Oleh itu, seorang pembeli memiliki hak milik terhadap harta tetapi dia tidak boleh melakukan apa-apa terhadap barangan tersebut yang menyalahi undang-undang hak cipta seperti melakukan cetak rompak terhadap hasil karya tersebut. (Khaw, 2001). Perlindungan terhadap setiap karya yang termaktub di bawah Akta Hak Cipta 1987 amat penting. Ini kerana seandainya sesuatu karya dengan sewenang-wenangnya dicetak rompak tanpa sebarang perlindungan diberikan kepada pemunya hak cipta, suatu masa nanti tiada pihak yang akan menerbitkan karya untuk masyarakat. Hal ini berikutan pemunya hak cipta tidak mendapat apa-apa pulangan kewangan daripada usaha dan titik peluh mereka. Apabila ini berlaku, maka tidak akan ada lagi perkembangan kebudayaan dan seni dalam masyarakat (Rohazar Wati, 1999).

2.3.2 Kesimpulan bab

Tujuan pengkaji membuat penelitian kajian yang dijalankan disebabkan oleh untuk memastikan kajian dibuat mengikut fakta. Selain itu, pengkaji membuat penelitian terhadap cara untuk membuat masyarakat tertarik dan

mengambil iktibar daripada kajian yang dijalankan. Seterusnya, untuk memahami mesej yang ingin disampaikan oleh pengkaji. Di samping itu juga, pengkaji dapat mengetahui teknik-teknik yang digunakan dalam kajian.

Metodologi merupakan cara pengkaji untuk menganalisis data yang diperoleh daripada kajian yang dijalankan. Hal ini, boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada masyarakat. Pengabungan ketiga jenis temu bual iaitu tidak berstruktur, semi struktur, dan berstruktur yang sering digunakan oleh kebanyakan kajian bagi mengumpulkan data yang lebih banyak. Hal ini lebih tertumpu kepada temu bual perlu dilakukan apabila suatu fenomena yang dikaji itu memerlukan penyelesaian dari minda seseorang melalui perasaan atau pandangan seseorang itu. (Othman Lebar, 2014).

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan

Melalui bab 3 ini, pengkaji membuat kajian mengenai metodologi untuk mengumpulkan maklumat dan data kajian. Kajian penyelidikan merupakan kaedah

akademik yang diaplikasikan dalam dunia sebenar bagi menyelesaikan masalah berkaitan dengan masyarakat. Proses penyelidikan dalam mencapai objektif kajian mempunyai rangka kerja lengkap termasuklah metodologi. Metodologi ialah kaedah digunakan untuk mengutip dan mengumpulkan data melalui tatacara efektif bagi menjawab permasalahan kajian. (Ang Kean Hua, 2016).

3.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif merupakan sebuah kaedah yang digunakan bagi mencari serta menganalisis maklumat yang didapati melalui pemerhatian berbentuk pengetahuan dan pengalaman yang dilalui oleh subjek kajian. Kajian berbentuk kualitatif membincangkan maklumat berbentuk ketrangan, lisan, dan lain-lain. Kaedah ini lebih lebih membahaskan tentang emosi, sifat dan keadaan seseorang individu. Di samping itu, kaedah kualitatif tidak menggunakan pandangan umum untuk memperoleh maklumat yang banyak. Hal ini lebih kepada kaedah pengumpulan bagi mendapatkan isi yang berkualiti dengan tertumpu kepada sample yang sedikit. Kaedah kualitatif lebih banyak melibatkan pengkaji itu sendiri untuk merasai pengalaman kehidupan seharian dalam sesebuah petempatan (Azizah Hamzah, 2010).

3.1.1 Instrumen Kajian

1. Analisis Kandungan

Kajian ini menggunakan analisis kandungan sebagai alat analisis utama. Analisis kandungan penting dalam meneliti filem, buku, artikel dalam jurnal, majalah dan surat khabar. Hasil analisis kandungan terhadap bahan-bahan tersebut berjaya menemui data daripada buku kes VCD cetak rompak oleh Nir Shah Putra (2008),

jenayah cetak rompak Zulkiffly Ahmad (2006), membanteras cetak rompak oleh Hamdan Mohd Ali (2008). Seterusnya pengakaji menemui artikel kajian rakaman cetak rompak digital: filem-filem tempatan di Malaysia oleh Nur Fathin Fitriyah Binti Syurkri (Mac 2008), Kewujudan filem cetak rompak dan filem tidak bertapis: mengapa masih berlaku? Oleh Noor Aziah Abdullah, Wan Amizah Wan Mahmud, Mohd Nor Shahizan Ali (2016).

Hasil kajian pengkaji mendapati terdapat pencetak rompak hasil karya filem Mael Totey The Movie yang menyebarkan filem di dalam blog dan “page” dan di media massa secara berleluasa. Pencetak rompak filem ini yang memaparkan, menyajikan dan menyediakan muat turun filem yang telah di cetak rompak secara percuma. Oleh itu, penonton hanya perlu memuat turun sahaja filem yang diinginkan untuk menonton. Secara tidak langsung telah menyumbang kerugian yang besar terhadap industri perfileman Malaysia. Perbuatan ini harus dibendung supaya ia tidak berleluasa.

Selain itu, melalui kajian ini, pengkaji telah mengkaji filem Mael Totey The Movie. Malahan terdapat juga filem yang tidak ditapis oleh Lembaga Penapis Filem (LPM) dan FINAS. Hal ini dapat merugikan perfileman tempatan dan secara tidak langsung yang membeli hasil cetak rompak itu telah menyokong aktiviti cetak rompak karya filem.

Seterusnya, pengkaji mendapati terdapat segelintir masyarakat terpengaruh sering menonton filem cetak rompak serta aplikasi pensteriman berbanding di pawagam dan platform yang betul. Hal ini kerana dapat menjimatkan masa dan wang. Masyarakat tidak perlu meredah jalan yang sesak dan jauh untuk ke panggung wayang, beratur untuk membeli tiket wayang, tidak perlu mengeluarkan wang untuk

membeli makanan dan tidak perlu menunggu waktu untuk tayangan bermula dan berakhir.

Tambahan pula, hasil kajian saya mendapati kebanyakan penonton menonton filem di platform yang salah. Hal ini kerana senang untuk mencari filem dikehendaki dan mudah didapati. Ia juga boleh memuat turun secara percuma sahaja. Hanya menggunakan hujung jari sahaja, masyarakat dapat mengakses maklumat, filem yang ingin ditontonnya.

2. Sumber Internet

Salah satu sebab pengkaji menggunakan internet sebagai medium untuk menjalankan kajian ini ialah pada zaman yang serba canggih ini, internet merupakan medium utama kepada masyarakat. Internet ini juga dapat berkomunikasi dengan masyarakat untuk menjalankan kajian. Hal ini boleh dilakukan bila-bila masa sahaja, di mana jua dan dipelusuk dunia boleh mengaksesnya.

3. Perpustakaan

Pengkaji juga menggunakan kaedah perpustakaan untuk mencari dan mengkaji maklumat melalui buku dan majalah di perpustakaan. Pengkaji juga dapat melakukan kajian di perpustakaan secara atas talian. Memandangkan pada pengkaji menjalankan kajian, pihak kerajaan dan pihak MKN mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), maka itu, pengkaji mengambil alternatif menggunakan

perkhidmatan Google Book untuk pengkaji mencari maklumat melalui buku. Di google book, terdapat pelbagai jenis buku, majalah dan risalah berkaitan dengan Penyalahgunaan cetak rompak hasil karya filem. Secara tidak langsung, pengkaji dapat pelbagai maklumat dan ilmu Pengetahuan teori-teori daripada segi pelbagai perspektif dan pengarang buku mengenai penyalahgunaan cetak rompak.

Kesimpulan


Secara kesimpulannya, pengkaji dapat menjaankan kajian mengikut metdologi secara kajian analisis kandungan, melalui internet dan kaedah perpustakaan. Pengkaji boleh mendapatkan data yang lebih tepat dan terperinci melalui kaedah kajian ini.

CARTA ALIR

Menganalisis tajuk, Skop kajian dan Masalah



Objektif Kajian



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

PENGUMPULAN DATA

4.1 PENGENALAN

Melalui bab 4 ini, pengakaji akan menerangkan mengenai kaedah pengumpulan data kaedah kualitatif dan cara menghasilkan karya filem pendek bagi menangani masalah cetak rompak. Bab ini juga memaparkan data kajian yang diperolehi berdasarkan tiga objektif utama iaitu mengkaji faktor berlakunya cetak rompak karya filem Mael Totey. Objektif yang kedua ialah mengkaji kesan penyalahgunaan cetak rompak karya filem Mael Totey. Akhir sekali mengkaji cara mengatasi jenayah cetak rompak karya filem Mael Totey.


4.2 ANALISIS KANDUNGAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menggunakan kaedah pengumpulan data kualitatif mengenai pendapat masyarakat tentang cetak rompak hasil karya filem Mael Totey. Pengumpulan data ini akan dikumpulkan, dibandingkan dan mengupas pendapat mengenai isu ini. Hal ini demikian, pengkaji dapat bukti mengumpulkan data yang kukuh dan tepat.

4.3 INTERNET

Melalui kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah pengumpulan data melalui sumber internet mengenai pendapat masyarakat tentang cetak rompak hasil karya filem Mael Totey. Pengumpulan data ini akan dikumpulkan, dibandingkan dan


mengupas pendapat mengenai isu ini. Hal ini demikian, pengkaji dapat bukti mengumpulkan data yang kukuh dan tepat.



Rajah menunjukkan keratan akhbar mengenai isu cetak rompak karya filem Mael Totey.

KUALA LUMPUR: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) memandang serius aduan penerbit filem, Mael Totey The Movie, Syahmi Sazli mengenai kegiatan pengedaran filem melalui platform media sosial dan laman sesawang tanpa lesen. Tindakan pengedaran filem secara haram dianggap melanggar Akta Hak Cipta 1987 dan syarat lesen yang ditetapkan. Ketua Pegawai Eksekutif FINAS, Ahmad Idham Ahmad Nadzri berkata, FINAS melalui Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan bertindak proaktif dalam menangani isu cetak rompak digital itu. Siasatan awal yang dijalankan mendapati beberapa platform digunakan untuk menjalankan kegiatan pengedaran filem tanpa kebenaran pemilik menerusi Akta Hak Cipta 1987. "Kami ingin mengingatkan kepada pihak yang terbabit

dalam kegiatan pengedaran filem melalui platform media sosial, e-dagang dan laman sesawang dalam urusan edaran, jual beli dan sewaan dalam talian tanpa lesen yang sah dan melakukan pelanggaran Akta Hak Cipta 1987 serta syarat lesen yang ditetapkan untuk menghentikan kegiatan ini serta merta. Tindakan tegas terhadap pihak yang terbabit dalam kegiatan pengedaran yang menyalahi undang-undang berdasarkan Seksyen 22 (1) Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244) akan diambil.



Rajah menunjukkan laporan daripada laman portal Mstar mengenai isu cetak rompak karya filem Mael Totey The Movie.

Syahmi merupakan pengarah filem Mael Totey The Movie meluahkan rasa kesal terhadap pencetak rompak karyanya. Menerusi papan skrin daripada individu yang mengaku menonton filemnya secara haram tanpa bayaran. Menerusi papan skrin tersebut juga, memaparkan individu tersebut, memohon maaf kepada Syahmi selepas menonton filem itu secara haram dan menjadikan pengajaran terhadap individu tersebut.



Rajah menunjukkan keratan portal laman sesawang metro mengenai isu cetak rompka hasil karya filem Mael Totey The Movie.

Melalui keratan portal laman sesawang tersebut menjelaskan tindakannya menerbitkan filem terlebih dahulu tanpa menjalinkan kerjasama awal dengan mana-mana pemamer dianggap sangat berani. Namun, Syahmi Sazli mampu tersenyum apabila filem Mael Totey The Movie arahan dan terbitannya mula menemui penonton menerusi saluran Astro First sejak kelmarin. Syahmi yang juga penulis skrip dan pelakon filem ini berkata, dia memperjudikan nasib mengeluarkan modal hampir RM400,000 semata-mata untuk filem ini."Pada peringkat awal, saya tak tahu siapa yang akan ambil cerita ini. Yang penting saya nak siapkan terlebih dahulu kerana ia impian saya. Alhamdulillah, selepas siapkan dengan sempurna saya bagi kepada Astro First dan mereka setuju untuk ambil dan kini sudah pun ditayangkan," katanya. Tanpa pengalaman mengarah drama atau filem dan hanya sekadar menghasilkan drama pendek untuk tayangan di YouTube, Syahmi mengakui perlu melalui pelbagai proses yang dianggap asing buatnya.

4.4 PERPUSTAKAAN

Memandangkan sekarang ini musim perintah kawalan pergerakan (PKP) yang diarahkan oleh pihak kerajaan untuk membendung penularan wabak corona virus,

maka itu pengkaji mengambil inisiatif untuk menggunakan kaedah *google book* untuk menjacari bahan ilmiah untuk menjalankan kajian ini.

Buku yang pertama pengkaji menjadikan rujukan ialah Kes VCD cetak rompak oleh Nir Shah Putra (2008). Buku ini mengandungi 96 muka surat. Buku ini mengisahkan kes cetak rompak melalui vcd. Terdapat punca, kesan dan langkah untuk menangani masalah cetak rompak.

Buku yang seterusnya pengkaji menjadi rujukan ialah jenayah cetak rompak oleh Zulkiffly Ahmad (2006). Buku ini mengandungi 62 muka surat. Buku ini mengisahkan isu cetak rompak. Terdapat punca, kesan dan langkah untuk menangani masalah cetak rompak.

Selain itu, buku membanteras cetak rompak oleh Hamdan Mohd Ali (2008). Buku ini mengandungi 22 muka surat. . Buku ini mengisahkan isu cetak rompak. Terdapat punca, kesan dan langkah untuk menangani masalah cetak rompak.

Di samping itu juga pengkaji merujuk buku cetak rompak harta intelek oleh setitis ilmu (2012). Buku ini mengandungi 35 muka surat. . Buku ini mengisahkan isu cetak rompak harta intelek. Terdapat punca, kesan dan langkah untuk menangani masalah cetak rompak.

Tambahan pula, pengkaji merujuk buku cetak rompak karya hak cipta oleh penerbit Pinang (2009). Buku ini mengandungi 52 muka surat. . Buku ini mengisahkan isu cetak rompak hak cipta. Terdapat punca, kesan dan langkah untuk menangani masalah cetak rompak.


4.5 FAKTOR BERLAKUNYA CETAK ROMPAK

Salah satu punca utama yang menyebabkan masalah ini masih berleluasa di negara ini ialah harga produk atau barangan cetak rompak yang jauh lebih murah daripada barangan tulen. Lazimnya barangan cetak rompak seperti VCD, CD, perisian komputer dan sebagainya dijual dengan harga yang lebih murah kerana mereka yang terlibat dalam pengeluaran barangan ini hanya memerlukan kos yang rendah dan tidak perlu membayar bayaran royalti kepada pengeluar asal barangan tersebut. Apabila kos pengeluarannya murah, maka produk cetak rompak juga dapat dijual dengan harga yang murah. Sebagai contohnya, mengikut harga pasaran, para pengguna dapat membeli tiga keping CD dengan hanya RM10. Jika dibandingkan dengan harga CD yang asli, pengguna perlu membayar dua kali ganda daripada harga tiga keping CD cetak rompak tersebut semata-mata hanya untuk membeli sekeping CD asli sahaja. Fenomena cetak rompak seperti ini dapat memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah untuk membelinya dengan harga yang murah. Bagi pelajar yang belum lagi mempunyai pendapatan tetap mereka juga mampu membeli barangan cetak rompak, apatah lagi golongan remaja ini mempunyai minat yang lebih tinggi untuk menikmati filem-filem sensasi mahupun muzik cita rasa golongan ini sehingga sanggup untuk membeli barangan cetak rompak tanpa perlu menghabiskan wang yang lebih untuk membeli barangan yang asli.

Selain itu, faktor penjenayah mengambil jalan yang mudah. Hal ini demikian kerana pencetak rompak hasil karya filem ini dapat mencari jalan pintas untuk mendapatkan duit yang begitu lumayan daripada hasil tersebut. Penonton juga dapat menjimatkan wang kerana tidak mahal untuk membeli hasil cetak rompak seperti cakera padat (DVD dan CD) yang dijual anggaran harga RM5.00 hingga Rm 35.00. Selain itu, sesetengahnya individu mendapatkannya secara percuma seperti melalui medium media massa. Mereka hanya boleh muat turun "*download*" dan langgan filem itu hanya menggunakan hujung jari sahaja. Melalui tingkah laku yang negatif sebegini dapat membuatkan industri filem tidak laku dan merudum. Oleh itu, pelbagai tindakan diambil oleh pihak kuasa untuk membanteras jenayah cetak rompak hasil karya filem secara haram.

Di samping itu juga, kerana cetak rompak hasil karya filem Mael Totey dapat mengaut keuntungan yang lumayan tanpa memerlukan kerja yang keras berbanding dengan pengiat seni filem untuk menghasilkan sebuah filem yang berkualiti. Penjenayah cetak rompak hanya merkam, menyimpan, mencetak dan menyebarkan dalam pelbagai medium seperti kaset, cd, dvd, media massa dan media sosial. Manakala pengiat seni filem haruslah melakukan pelbagai proses untuk menghasilkan karya filem yang terbaik. Sebagai contohnya ialah Syahmi Sazli Production harus membuat pembincangan, skrip, papan cerita, prop, make-up, pakaian yang sesuai, kamera yang sesuai, set yang sesuai, mencari pelakon yang berbakat dan sesuai dengan karektor, menjalankan penggambaran, sesi suntingan, sesi perbincangan dengan pengarah, sesi promosi filem dan sesi tayangan filem di panggung wayang, NETFLIK, Astro, siasran Televisyen dan saluran yang betul dan sah ditayangkan kepada penonton. Syahmi Sazli Production harus membelanjakan kos yang tinggi

untuk menghasilkan karya filem yang berkualiti tinggi. Manakala penjenayah cetak rompak sewenangnyanya merakam, menyimpan, mencetak dan menyebarkannya tanpa kebenaran pihak yang tertentu. Hal ini dapat mengaut keuntungan yang lumayan kepada jenayah cetak rompak hasil karya filem Mael Totey tanpa mengeluarkan modal yang tinggi untuk menyebarkannya.



Rajah menunjukkan bukti penyebaran filem Mael Totey di media sosial.

Sumber: FINAS

Tambahan pula, pengkaji mengkaji faktor terdapat banyak blog dan “page” yang memaparkan, menyajikan dan menyediakan muat turun filem yang telah di cetak rompak secara percuma. Oleh itu, penonton hanya perlu memuat turun sahaja filem yang diigini untuk menonton. Secara tidak langsung telah menyumbang kerugian yang besar terhadap industri perfileman Malaysia. Perbuatan ini harus dibendung supaya ia tidak berleluasa. Kesalahan ini dibawah Seksyen 22(1) Akta Finas 1981 membawa hukuman denda tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.


4.6 KESAN BERLAKUNYA CETAK ROMPAK

Pengkaji akan menerangkan mengenai kesan penyalahgunaan cetak rompak karya filem Mael Totey The Movie. Kesan yang pertama ialah kesan terhadap produksi filem Syahmi Sazli Production. Produksi ini telah mengalami kerugian apabila hasil karya filem mereka telah dicetak rompak oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Secara tidak langsung penonton filem di cetak rompak telah tidak menyokong karya filem tempatan.

Selain itu kesan terhadap Industri filem akan terkubur dan muflis jika 100% masyarakat kini menonton filem di medium cetak rompak. Hal ini kerana industri filem bergantung kepada penonton yang menyokongnya. Jika penonton menonton filem di platform yang betul, maka industri filem di Malaysia akan lebih maju. Setelah menerbitkan dan mengeluarkan filem di pawagam, industri filem di Malaysia mengira jumlah tontonan filem itu. Jika tontonan itu dapat sambutan oleh orang ramai, maka ia berjaya, dapat kaut keuntungan dan memajukan industri filem. Jikalau tidak mendapat sokongan oleh masyarakat tempatan, hasil karya filem itu akan terkubur dan mengalami kerugian yang amat besar. Masyarakat di Malaysia haruslah menyokong karya filem tempatan. Jika tidak siapa lagi yang hendak menyokong dan memajukan industri filem di Malaysia.



4.7 CARA MENGATASI CETAK ROMPAK

Oleh hal demikian, pengkaji membuat satu video iklan pesanan khidmat masyarakat yang bertajuk “cetak rompak digital karya filem”. Di dalam video tersebut, pengkaji akan memaparkan punca berlakunya cetak rompak, kesan cetak rompak dan cara untuk mengatasi masalah jenayah cetak rompak. Pengkaji berharap agar penonton mengambil iktibar daripada video tersebut dan memahami konsep serta mesej yang disampaikan oleh pengkaji.



Sumber:YouTube



Pada permulaan untuk membuat video iklan pendek, pengkaji mencari rujukan daripada YouTube untuk menjadikan sumber idea membuat iklan pendek mengenai cetak rompak karya filem.



Sumber:google

Pengkaji membuat kajian dan rujukan tentang antara filem tempatan yang telah dicetak rompak oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Hal ini membolehkan pengkaji memperolehi maklumat yang tepat dan sahih mengenai filem yang telah dicetak rompak.

Setelah mendapat sumber idea dan inspirasi membuat video iklan pendek, pengkaji membuat satu video pendek yang dapat menyampaikan mesej kepada audien.



Ini merupakan sesi penyuntingan video iklan pendek. Di dalam editing ini terdapat sound effect, kesan khas, dan babak yang menarik.



Ini merupakan poster bagi video iklan cetak rompak digital hasil karya filem.

Setelah menyunting video sehingga menjadi sebuah video iklan mengenai cetak rompak digital karya filem, pengkaji membuat sebuah poster yang menarik untuk video iklan ini. Pengkarya mengharapkan masyarakat dapat peka dan berganding bahu untuk masalah jenayah cetak rompak digital karya filem

KESIMPULAN BAB

Melalui bab ini, pengkaji dapat mengkaji melalui kaedah analisis kandungan, internet dan perpustakaan. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat maklumat dengan lebih tepat dan perinci mengenai isu yang dikaji.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN

Bab 5 ini pengkaji akan merumuskan segala kajian, perbincangan, data-data yang dikumpulkan sepanjang kajian dijalankan. Beberapa cadangan akan dikemukakan oleh pengkaji untuk meningkatkan kualiti filem tempatan agar tidak di cetak rompak oleh individu yang tidak bertanggungjawab..

5.2 RUMUSAN

Hasil kajian yang pengkaji jalankan, pengkaji dapat menjalankan kajian dengan lancar menggunakan kaedah analisis kandungan, melalui sumber internet, dan kaedah perpustakaan secara atas talian. Melalui kaedah ini, pengkaji mendapatkan pelbagai pendapat, pandangan dan maklumat tentang isu cetak rompak.

Penyalahgunaan cetak rompak hasil filem Mael Totey The Movie kerana filem ini merupakan filem yang menarik, filem yang popular dapat menyampaikan mesej dengan mudah difahami oleh penonton, menggunakan dailek Kelantan, filem yang lawak dan menampilkan pelakon yang berbakat besar dalam industri filem. Filem ini merupakan filem yang popular dan Box Office pada tahun 2020. Filem ini berjaya pecah panggung sebanyak RM 7 juta. Penyalahgunaan cetak rompak hasil karya filem haruslah dibendung dan dibanteras agar ia tidak berleluasa.

Pengkaji berharap, isu cetak rompak hasil karya filem dihapuskan. tindakan tegas dan sewajarnya perlu diambil oleh pihak SKMM, MCMC, FINAS, Polis dan sebagainya. Kerjasama semua pihak untuk membendung jenayah cetak rompak.

5.3 CADANGAN

Pada pendapat saya, masyarakat haruslah menyokong karya tempatan, bukannya hanya menggunakan jalan pintas untuk kepentingan diri sendiri. Penonton haruslah menonton filem di panggung wayang dan platform yang betul. Hal ini penting untuk industri filem dan ekonomi negara. Jika penonton menonton di platform yang betul, ia akan memberi sokongan terhadap karya filem tempatan dan ia akan meningkatkan kadar tontonan yang tinggi.

Pihak berkuasa haruslah memperketatkan lagi undang-undang berkaitan bidang perfileman di Malaysia terutamanya pencetak rompak hasil karya filem. Pencetak rompak ini sewenang-wenangnya menyebarkan hasil karya filem di internet dan aplikasi pensteriman. Hal ini menyebabkan industri filem berkurang, tidak maju dan mundur. Pihak berkuasa haruslah mengadakan tindakan undang-undang yang setimpal dengan jenayah cetak rompak ini. Hal ini akan memberi peringatan dan pengajaran kepada orang lain agar tidak berbuat jenayah dan pekerjaan yang keji.

Selain itu, pihak MCMC dan SKMM, Lembaga Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri, FINAS harus menyekat paparan filem yang dicetak rompak dan disiarkan di internet secara haram. Hal ini akan membantu pengurangan kadar filem secara haram dimasukkan di dalam internet dan kadar cetak rompak.

Di samping itu juga, pengiat seni perfileman dan pihak pengurusan haruslah memperbanyakkan promosi mengenai filem tempatan seperti di media sosial, surat khabar, majalah, di panggung wayang dan tempat yang menjadi tumpuan masyarakat. Hal ini akan menarik perhatian masyarakat untuk menonton filem di platform yang betul, halal, dan ditapis dan di hak ciptakan.

RUJUKAN

Buku

Utusan Melayu (Malaysia) Berhad. (2004). Massa: majalah berita mingguan, Issues 425-433

Jamil Sulong (DBP 1990). Kaca permata: memoir seorang pengarah. The University of Michigan 16 Feb 2007 ISBN9836211179, 9789836211170. Dewan Bahasa dan Pustaka., (2006)

Kekal abadi: berita Perpustakaan Universiti Malaya, Volumes 6-8. Universiti Malaya. Perpustakaan Universiti Malaya, (1987).

Dewan Budaya dan Pustaka. (2003). Dewan Budaya.

Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003. Dewan Sastera (1 Jun 2012)

Perpustakaan

Cetak rompak

<https://www.google.com/search?tbm=bks&q=cetak+rompak>

Nir Shah Putra(2008).Kes VCD cetak rompak

https://books.google.com.my/books?id=UnvhNwAACAAJ&dq=cetak+rompak&hl=en&sa=X&redir_esc=y

Zulkiffly Ahmad (2006).Jenayah cetak rompak

https://books.google.com.my/books?id=8b8XPwAACAAJ&dq=cetak+rompak&hl=en&sa=X&redir_esc=y

Hamdan Mohd Ali (2008). Membanteras cetak rompak

https://books.google.com.my/books?id=j2_jPgAACAAJ&dq=cetak+rompak&hl=en&sa=X&redir_esc=y

Setitis ilmu (2018). Cetak rompak harta intelek

https://books.google.com.my/books?id=97iLMwEACAAJ&dq=cetak+rompak&hl=en&sa=X&redir_esc=y

Penerbit Pinang (2009). Cetak rompak karya hak cipta

https://books.google.com.my/books?id=TCLgPgAACAAJ&dq=cetak+rompak&hl=en&sa=X&redir_esc=y

Internet

Admin FINAS (29 Ogos 2019). Kerjasama strategik agensi isu cetak rompak digital

<https://www.finas.gov.my/kerjasama-strategik-agensi-banteras-isu-cetak-rompak-digital/>

HIZRAL TAZZIF HISHAM. (2015) Cabaran industri filem melayu, pandangan penggiat industri dan penonton. Dipetik daripada

[http://studentsrepo.um.edu.my/6569/1/HIZRAL_TAZZIF_HISHAM_\(AHA050028\).pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/6569/1/HIZRAL_TAZZIF_HISHAM_(AHA050028).pdf)

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MY). SKMM harus menyekat paparan filem yang dicetak rompak

<https://www.mcmc.gov.my/en/home>

KAMARUDDIN RAZAL (2 November 2019). Cetak rompak filem

<https://gempak.com/artikel/28432/cetak-rompak-kongsi-filem-secara-haram-masih-ada-yang-tak-sedar-diri-lagi-ke-jaga-jaga-ada-yang-pernah-kena-denda-sampai-rm100-000>

Lembaga Penapisan Filem Kementerian Dalam Negeri. (2019). Menyekat cetak rompak filem

<http://lpf.moha.gov.my/lpf/index.php/ms/>

MRS.NORAZMILAH YAAKUB (30 MAY 2011). Permasalahan cetak rompak cakera optik hasil karya filem dan muzik dari segi perspektif undang-undang harta intelek:

<http://repo.uum.edu.my/3127/>

Abd. Aziz, Ahmad Shamsul (2004). Permasalahan cetak rompak cakera optik hasil karya filem dan muzik dari segi perspektif undang-undang harta intelek:

<http://malrep.uum.edu.my/rep/Record/my.uum.repo.3127/Description#tabnav>

Filem Mael Totey The Movie

<https://www.imdb.com/title/tt13285446/>

Filem Mael Totey The Movie telah dicetak rompak:

<https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2020/10/748085/mael-totey-movie-dirompak>

Analisis kandungan (Filem)

Filem Mael Totey The Movie 2020